

19/04/1998

Perjanjian baru air dalam rundingan

Saodi Mat Atar

GELANG PATAH: Malaysia dan Singapura tidak nampak sebarang masalah besar dalam perjanjian baru bekalan air ke republik itu yang kini di peringkat rundingan.

Sambil memahami keadaan yang dihadapi Malaysia, Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong sependapat dengan rakan sejawatnya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa langkah ke arah perjanjian itu kini di peringkat memenuhi beberapa formaliti.

"Seperti kata Dr Mahathir, ada beberapa perkara formaliti perlu dilakukan," katanya pada sidang akhbar bersama selepas merasmikan Laluan Kedua di sini, semalam.

Goh ditanya mengenai hasil rundingan Malaysia-Singapura mengenai pembekalan air ke negeri itu selepas dua perjanjian sedia ada berakhir pada 2011 dan 2061.

Ketika ini, Singapura membeli 1,527 bilion liter air yang belum dirawat setiap hari pada harga tiga sen bagi setiap 4,540 liter dan untuk masa depan Malaysia merancang membekalkan air yang sudah diproses.

Dr Mahathir ketika diajukan persoalan itu berkata: "Apa yang dipersetujui mengenai air mentah adalah dalam bentuk air mentah... apa yang diputuskan untuk masa depan, adalah air sudah dirawat."

Beliau menjelaskan bahawa rundingan peringkat pegawai yang dijalankan sejak pertemuannya dengan Goh Februari lalu, telah mencapai persefahaman termasuk Malaysia perlu melalui beberapa proses formal terlebih dahulu.

Menurut Perdana Menteri, rundingan dilakukan dengan terperinci sehingga beberapa hari lalu dan kini tinggal beberapa proses termasuk membawanya ke peringkat Kabinet dan kerajaan Johor.

"Dari segi terma perjanjian, kita sudah bersetuju, jadi saya tidak nampak sebarang masalah. Oleh kerana soal air adalah dalam bidang kuasa negeri, kita kena rujuk kepada Johor terlebih dahulu," katanya.

Selepas majlis perasmian Laluan Kedua itu, Dr Mahathir yang dalam lawatan dua hari ke Johor turut meluangkan masa melawat dan meninjau pembangunan projek pelabuhan kedua di Tanjung Kupang dekat sini.

Dalam lawatan kira-kira sejam ke tapak projek berkenaan, beliau mendengar taklimat Pengerusi Eksekutif Johor Port Berhad (JPB), Datuk Mohd Taufik Abdullah.

Dr Mahathir kemudian menyaksikan pelancaran penanaman cerucuk pertama dermaga dan meninjau kegiatan pengorekan serta penebusgunaan tanah di pelabuhan berkenaan.

Turut mengiringi beliau ialah Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu; Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat; Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Hishamuddin Tun Hussein dan Exco kerajaan negeri.

Projek pembinaan pelabuhan kedua yang membabitkan kawasan lebih 1,000 hektar itu dilaksanakan oleh Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn Bhd (PTP), sebagai pemaju dan pengendali pelabuhan berkenaan yang terletak di barat daya Johor.

(END)